

NAMA :

KELAS :

UNIT 27: Manfaatkan Kemajuan Teknologi

(Buku Modul Aktiviti muka surat 104)

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Dia menggunakan pelbagai perisian di dalam komputer itu untuk menyiapkan kerjanya.

Seterusnya, dia dapat menghantar tugasannya secara dalam talian.

Selain itu, dia menggunakan enjin carian untuk mencari maklumat di Internet dengan pantas.

Gurunya dapat menilai, menyemak, dan memberikan maklum balas dengan segera.

Kesimpulannya, teknologi amat berguna kerana dapat memudahkan kehidupan kita.

Sebagai contoh, Zairil mudah menyiapkan tugas sekolahnya dengan bantuan komputer riba.

Dia dapat menyimpan hasil kerjanya di dalam fail digital bagi memudahkannya untuk mengakses fail tersebut.

Kepentingan Teknologi

Zairil sedang menyiapkan tugas sekolahnya. Dia menggunakan sebuah komputer riba. Di dalam komputer itu terdapat pelbagai perisian yang canggih. Perisian tersebut memudahkannya untuk melakukan kerja dengan efektif.

Zairil melayari internet untuk mencari maklumat. Dia menggunakan enjin carian untuk mendapatkan maklumat yang dikehendakinya. Kerjanya menjadi mudah kerana maklumat dapat diperoleh dengan pantas.

Setelah tugasannya siap, Zairil menghantar fail tugas tersebut kepada gurunya secara dalam talian. Gurunya akan menyemak dan menilai hasil kerja tersebut. Beliau juga akan memberikan maklum balas dengan segera.

Sebelum menutup komputer, Zairil menyimpan fail tugasannya di dalam fail digital. Dia berbuat demikian bagi memastikan hasil kerjanya disimpan secara tersusun dan selamat. Hal ini penting bagi memudahkannya untuk mengakses fail tersebut apabila diperlukan.

Dengan adanya teknologi , urusan harian kita menjadi mudah dan lancar.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____
7. _____